

# PM minta rakyat faham wawasan 2020

KUCHING, Selasa — Wawasan 2020 perlu difahami dengan jelas untuk dijadikan panduan ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan berteknologi tinggi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil memberi contoh seseorang yang mempunyai penglihatan seimbang di kedua-dua belah matanya iaitu 20-20 sebagai sempurna, Perdana Menteri mahu rakyat juga jelas dengan wawasan itu agar mudah merancang usaha mereka.

Sehubungan itu, beliau meminta rakyat bekerja keras untuk mencapai wawasan 2020 kerana ia bukan perkara mustahil jika mereka berusaha bersungguh-sungguh ke arah itu.

"Tidak ada gunanya dasar yang baik jika tidak dilaksanakan dengan betul," katanya selepas mendengar taklimat pembangunan Sarawak oleh Pengarah Jabatan Pembangunan Negeri, Dr Nik Ibrahim Nik Mahmood, di Wisma Bapa Malaysia petang ini.

Taklimat pembangunan itu adalah yang paling besar per-

nah diadakan kerana ia dihadiri oleh hampir semua Menteri Kabinet Persekutuan dan negeri. Turut hadir ialah Ketua Menteri, Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud.

Ia diadakan sempena mesyuarat Kabinet Persekutuan yang kedua kali di luar Kuala Lumpur. Yang pertama ialah di Pulau Langkawi sempena Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (Chogm) pada 1989.

Datuk Seri Dr Mahathir yakin segala matlamat yang disusun oleh kerajaan pada

masa hadapan akan tercapai kerana kejayaan pembangunan negara setakat ini, adalah bukti paling nyata.

"Penjajah keluar tanpa membuat sebarang pembangunan tetapi dalam masa yang singkat, pelbagai pembangunan dapat dilaksanakan di seluruh negara dengan hasil kita sendiri.

"Kita harus memastikan kestabilan yang ada dan kerjasama kaum terus terpelihara untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara berterusan," katanya.

**163,940**  
**keluarga**  
**layak**  
**terima**  
**BH 22 MAY 1991**  
**bantuan**

## DARI MUKA 1

katanya.

Pada masa ini, dianggarkan 163,940 keluarga termiskin yang berpendapatan kurang daripada \$175 sebulan dikenal pasti layak menerima bantuan menerusi PPRT.

Bagaimanapun, jumlah keluarga termiskin dijangka bertambah apabila semua negeri-negeri mengemukakan senarai lengkap mengenai rakyat termiskin yang ada di daerah masing-masing tidak lama lagi.

Ditanya langkah kerajaan untuk mengatasi masalah itu, beliau berkata, sistem maklumat berkomputer dijangka diperkenalkan secara berperingkat di semua pejabat daerah di Semenanjung.

Katanya, Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) membangunkan "Sistem Maklumat Berkomputer PPRT".

Menurutnya, menerusi sistem berkomputer, maklumat dalam daftar rakyat termiskin daerah akan dipusatkan di pejabat daerah untuk memudahkan Jawatankuasa Pentadbiran Peringkat Daerah merancang dan menyediakan pakej keperluan PPRT bagi setiap keluarga di daerah dan seterusnya mengesan hasil program itu.

"Sistem itu sudah diperkenalkan dan diujipakai di Daerah Kubang Pasu, Kedah dan dijangka semua daerah di Semenanjung akan dapat menggunakan sistem ini akhir tahun ini," katanya.